

Sekolah Wawasan: DAP buat bantahan terbuka

BH - 8 NOV 2000
KUALA LUMPUR, Selasa - DAP hari ini menyatakan bantahan terbuka, sekali gus mempertahankan pendirian Dong Jiao Zhong membantah pelaksanaan konsep Sekolah Wawasan.

Setiausaha Agungnya, Kerk Kim Hock, ketika membahaskan Belanjawan 2001 di Dewan Rakyat berkata, parti itu membantah sekeras-kerasnya pelaksanaan konsep sekolah berkenaan.

Malah, Kerk turut mengingatkan kerajaan supaya 'jangan memaksa sekolah Cina mengambil bahagian' seperti mana dinyatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Akhbar hari ini melaporkan kekecewaan Dr Mahathir dengan bantahan Dong Jiao Zhong terhadap pelaksanaan Sekolah Wawasan yang bertujuan mewujudkan integrasi kaum dan menyatupadukan semua rakyat daripada peringkat awal lagi.

Dr Mahathir dilaporkan berkata, bantahan itu jelas menunjukkan kumpulan berkenaan tidak pernah menerima apa-apa perkara mengenai pendidikan di Malaysia.

Kerk berkata, jika benar Sekolah Wawasan mampu memupuk integrasi kaum di kalangan muridnya, maka patut diwujudkan Parti Wawasan untuk menyatukan semua kaum.

Kerk yang menyatakan sokongan terhadap bantahan Dong Jiao Zhong berkata, kumpulan itu adalah wakil sebenar kepentingan pendidikan Cina dan mereka tahu apa yang terbaik untuk masyarakat itu.

Beliau berkata, kerajaan perlu berunding dengan Dong Jiao Zhong jika ingin melaksanakan apa-apa saja dasar pendidikan memabatkan masyarakat Cina dan bukan dengan kumpulan lain yang mendakwa mewakili masyarakat itu.

Kerk turut membidas kenya-

taan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad dalam wawancara sebuah akhbar berbahasa Cina bahawa sebahagian masyarakat Cina takut sejarah sehingga menentang konsep sekolah itu kerana menyangka ia akan menghakis identiti sekolah Cina.

Beliau berkata, kebimbangan masyarakat Cina berhubung soal pendidikan seperti yang dilihat berhubung isu tuntutan Suqiu yang dibangkitkan semula, selepas setahun ia diterima Kabinet.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak kemudian bangun dan mengingatkan Kerk bahawa Akta Pendidikan 1996 menjamin kewujudan sekolah Cina.

Sementara itu, Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Hon Choon Kim berkata, tindakan DAP membantah Sekolah Wawasan hanya bertujuan meraih sokongan politik yang semakin

menurun terhadap parti itu dan bukan untuk kebaikan rakyat.

"Kita tidak boleh pakai pendirian dia (DAP), dia cuma timbang dari segi politik saja. Dia tidak akan timbang sama ada konsep ini baik atau tidak untuk kepentingan rakyat, itu bukan soal dia," katanya ketika ditemui di lobi Parlimen.

Hon turut menafikan dakwaan Kerk ada pihak memberi maklumat salah mengenai perasaan masyarakat Cina kepada kerajaan.

"Kalau orang yang waras serta jelas mentalnya, mereka akan faham sebab kita (MCA) menerangkan dengan jelas bahawa konsep ini adalah untuk memupuk perpaduan di kalangan pelbagai kaum.

"Kita bukan nak hapuskan ciri sekolah Cina atau sekolah Tamil, itu jelas kepada sesiapa pun, cuma orang yang mempunyai niat politik jahat tidak akan menerimanya," katanya.